

**Najib pengerusi mesyuarat kabinet di Kuantan**  
**Malaysiakini.com**  
**February 9, 2011**

Datuk Seri Najib Razak hari ini mempengerusikan mesyuarat kabinet di Kuantan, yang pertama diadakan di luar Putrajaya sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada 3 April 2009.

Perdana Menteri bersama jemaah menteri tiba menaiki tiga buah bas di bangunan Yayasan Pahang pada 8.15 pagi tadi.

Mereka kemudiannya mengadakan sesi bergambar sebelum menikmati sarapan dan mendengar taklimat pembangunan ekonomi negeri Pahang yang disampaikan oleh Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Tepat 9.30 pagi, Najib bersama timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan 28 menteri memulakan mesyuarat.

Selepas itu, Najib dan jemaah menteri dijadual melawat Pusat Komuniti Perumahan Bersepadu Bukit Kenau di Pekan yang mengandungi pusat kraftangan, rumah peserta, projek ternakan ikan keli dan ternakan kambing, projek pertanian fertigasi dan inap desa Bukit Kenau.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/155544>